



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

Pada
7 SEPTEMBER 2017

Disediakan oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR KE-13**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI KHAMIS, 7 SEPTEMBER 2017		
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran Daripada YB Speaker	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat	7
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	7
6.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan	21
7.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2017	21
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2017	23
9.	Penangguhan.	39
10.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	40

~~~~~ Dewan Negeri Johor ~~~~~

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEDUA  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KHAMIS**

**07 SEPTEMBER 2017**

**BIL. 15 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Timbalan Speaker,  
YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani,  
Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan  
Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan  
dan Penerangan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

## **TURUT HADIR**

### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

## **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Penolong Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung mesyuarat iaitu Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kelima, Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum, Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Ibrahim dan pasangannya Encik Dennis Muhammad bin Abdullah telah selamat diijab kabulkan di Istana Bukit Serene, Johor Bahru dengan penuh istiadat Melayu dan Budaya Istana Johor dan adat istiadat budaya Johor pada 14 Ogos 2017 yang lalu.

Saya dan seluruh Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor merafak sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah dan pasangannya. Semoga ikatan yang dibina sentiasa berada dalam rahmat Ilahi dan kekal hingga ke akhir hayat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja meraikan sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 pada 31 Ogos 2017 yang lalu dengan tema Negaraku Sehati Sejiwa. Semoga rakyat akan terus mempunyai semangat berbilang kaum, bersatu padu dan muafakat terus dicapai bagi memastikan negara kita lebih gemilang lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan, yang telah berkhidmat sebagai Speaker Dewan Negeri Johor mulai 21 Oktober 1990 hingga 11 November 1999 dan 16 April 2004 hingga 19 Jun 2013 telah kembali ke rahmatullah pada 14 Julai 2017 yang lalu. Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan dan marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur. Al-Fatihah. (Dewan berdiri).

**YB Timbalan Speaker :** Sila duduk.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita juga dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Datuk Yap Chik Dong, yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Tangkak mulai 3 Ogos 1986 hingga 13 Februari 2008 telah meninggal dunia pada 6 Jun 2017 yang lalu. Dengan ini juga Dewan merakamkan ucapan takziah kepada balu dan keluarga mendiang dan marilah kita berdiri dan bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor. (Dewan berdiri).

**YB Timbalan Speaker :** Ok.



**Penolong Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 10 hingga 12 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2017 – Anggaran Perbelanjaan tambahan Pertama Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017 – Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2017 – Laporan Tahunan Johor Corporation bagi Tahun 2016.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Bagi tahun Berakhir 31 Disember 2014 Yayasan Warisan Johor.

**Penolong Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat Rengit, jemput.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Negaraku Sehati Sejiwa dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya Nombor 1.

Minta penjelasan jumlah keluasan tanah *reserve* Melayu di Negeri Johor sehingga 31.6.17. Nyatakan keluasan tanah *reserve* Melayu tersebut mengikut daerah. Apakah perancangan kerajaan Negeri Johor menambah jumlah keluasan tanah *reserve* Melayu.

**YAB Menteri Besar :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Rengit telah meminta penjelasan keluasan tanah rizab Melayu di negeri Johor dan mengikut daerah. Dan, apakah perancangan kerajaan bagi menambah keluasan tanah tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Julai 2017, keluasan tanah-tanah berstatus rizab Melayu adalah sebanyak 555,527.859 hektar atau 29.4% daripada keluasan negeri Johor. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding keluasan yang saya telah nyatakan semasa Persidangan lalu iaitu 555,276.015 hektar. Dengan pertambahan sebanyak 251.844 hektar. Berdasarkan kepada rekod yang dimiliki oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, keluasan rizab Melayu mengikut daerah akan saya kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat dari Rengit kerana ia melibatkan 12 daerah kerana daerah Rengit dan Pengerang juga dikira sebagai daerah berbanding dengan daerah yang sebenar di Johor sebanyak 10.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perizaban tanah-tanah sebagai rizab Melayu adalah melalui Seksyen 3 dan Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu 1936 iaitu Seksyen 3 Perizaban melalui kawasan manakala Seksyen 6 adalah secara permohonan bagi menjaga pemilikan tanah rizab Melayu dan memastikan ianya sentiasa bertambah. Kerajaan negeri mengamalkan dasar iaitu bagi mana-mana tanah kerajaan yang dikurniakan kepada orang Melayu adalah disyaratkan untuk dijadikan sebagai tanah pegangan Melayu di bawah Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu 1936. Melalui Seksyen 6, kemasukan rizab Melayu perlu melalui proses pewartaan sebanyak 2 kali iaitu kali pertama hebahan kepada awam dan pewartaan kali kedua bertujuan memuktamadkan perizaban tersebut. Bagi memastikan tanah-tanah yang telah di kurnia tetapi belum diwartakan sebagai rizab Melayu terpelihara, pihak pentadbiran tanah telah mengambil pendekatan dengan membuat endorsan kaveat pendaftar ke atas tanah tersebut. Ini dilaksanakan sebagai mekanisme kawalan bagi memastikan tiada mana-mana tanah yang dikurniakan kepada pemohon Melayu terlepas daripada mematuhi syarat kelulusan agar tanah-tanah tersebut dijadikan rizab Melayu. Ianya juga bertujuan untuk menghalang sebarang percubaan mentransaksikan tanah tersebut kepada mana-mana bukan Melayu seterusnya memastikan tanah rizab Melayu sentiasa terjaga dan terlindung haknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin ditegaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa tanah-tanah yang telah diwartakan ataupun yang diluluskan menjadi tanah rizab Melayu akan kekal selamanya menjadi tanah rizab Melayu. Tanah-tanah ini tidak boleh dibatalkan dan digantikan dengan sewenang-wenangnya. Meskipun Johor menduduki tempat yang pertama dari sudut menarik pelaburan dalam dan luar negara ke negeri ini, kepentingan untuk memelihara rizab Melayu ini tetap menjadi keutamaan kerajaan. Atas sebab itu, kerajaan negeri telah menetapkan bahawa mana-mana tanah yang hendak dibuat pembatalan hendaklah digantikan dengan tanah yang sifatnya adalah sama atau lebih baik dari segi keluasan dan nilai. Kerajaan negeri Johor sangat serius melihat isu ini setiap permohonan penggantian yang hendak dibawa untuk kelulusan pihak berkuasa negeri ianya perlu diperhalusi di peringkat PTG terlebih dahulu. Atas sebab itu, dari tahun 2013 hingga hari ini, kerajaan negeri hanya meluluskan 4 permohonan sahaja pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu yang hanya melibatkan keluasan 10.5633 hektar sahaja. Iaitu dalam 20 lebih ekar sahaja.

Kerajaan juga ingin memaklumkan bahawa, komitmen kerajaan negeri berkaitan tanah rizab Melayu ini turut dizahirkan dengan mewujudkan pasukan petugas khas di PTG Johor yang bertujuan untuk memantau tanah-tanah rizab Melayu dan PTG juga telah mewujudkan inventori tanah rizab Melayu yang akan dikemas kini ada setiap masa.

**YB Timbalan Speaker :** Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya hendak ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan juga terima kasih di atas usaha bersungguh dan konsisten kerajaan negeri untuk menambahkan rizab Melayu dan hari ini sehingga 31/7/2017 seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat, jumlah rizab Melayu dah mencapai 555,000 hektar atau 29.4% daripada jumlah keluasan negeri Johor. Ada setengah pihak memberi takrifan bahawa kawasan rizab Melayu ini mengurangkan nilai ekonomi. Tidak mempunyai potensi pasaran, ataupun sukar

mendapat pasaran yang terbaik. Jadi, sekali lagi saya ingin penegasan dalam Dewan yang mulia ini, adakah kerajaan akan menimbangkan ataupun menghapuskan atau mentiadakan rizab Melayu sepertimana sebagaimana yang diutarakan oleh pembangkang? Ini soalan tambahan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Rengit yang telah mengemukakan persoalan sebegini dan memberi peluang untuk kerajaan menjelaskan dan memberi kefahaman kepada pelbagai pihak termasuklah daripada pembangkang mengenai kedudukan dan taraf tanah rizab Melayu yang kita ada dalam negeri dan negara kita pada hari ini. Dalam kesempatan ini saya ingin tegaskan bahawa soal tanah rizab Melayu ini bukan sahaja mengenai status dan pemilikan tanah ataupun nilai dan harganya ataupun yang pernah dihujahkan oleh pembangkang satu tanah yang tidak kompetitif dan lebih murah daripada pasaran. Kedudukan dan taraf status tanah rizab Melayu jauh lebih besar dan lebih penting daripada itu. Tanah rizab Melayu adalah perihal identiti dan maruah orang Melayu. Ia mewakili kepentingan dan benteng strategik orang Melayu. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tanah rizab Melayu dalam banyak keadaan memberikan rasa kepunyaan orang Melayu yang sangat bermakna kepada tanah air. Ia adalah manifestasi yang menghubungkan orang Melayu dengan sejarahnya yang lalu, dan pada masa yang sama ia adalah lambang kesinambungan orang Melayu pada masa hadapan. Sebab itulah, ia menjadi ikrar serta komitmen Kerajaan Negeri Johor yang sedia ada hari ini di bawah UMNO dan Barisan Nasional. (Dewan Bertepuk). Untuk memastikan tanah rizab Melayu dipertahankan ditambah keluasannya dan dibangunkan secara strategik dan terancang sebagai satu tanggungjawab dan tugas patriotik. Kerajaan negeri Johor berpendirian bahawa memberi perhatian kepada perkara ini bukan satu pilihan tetapi amanah dan tanggungjawab bukan sahaja amanah dan tanggungjawab moral tetapi amanah dan tanggungjawab patriotik kepada Johor dan juga kepada orang Melayu. Atas sebab itu, kita mahu mengubah mentaliti dan tanggapan masyarakat kebanyakan bahawa sesuatu bidang tanah itu menjadi kurang bernilai dan tidak mempunyai kelebihan ekonomi atau ciri komersial yang baik jika ia berstatus rizab Melayu. Perkara sebegini berlaku kerana selama ini masyarakat kita terlalu melihat tanah sebagai aset komersial semata-mata. Sehingga terlupa untuk meletakkan simbol dan lambang identiti penting yang diwakili oleh tanah rizab Melayu. Saya ingin tegaskan, konsep dan nilai tanah rizab Melayu adalah abstrak dan intrinsik dan ia tidak boleh dan tidak seharusnya dilihat daripada perspektif komersil sahaja.

Nilai dan harga Tanah Rizab Melayu mesti dihitung menjangkau perkiraan wang ringgit dan keuntungan konvensional berdasarkan kepada kamus kapitalis. Jadi, inilah sebenarnya matlamat pengenalan dasar tersebut iaitu untuk cuba mengekalkan nilai tanah pada harga yang agak murah dan kompetitif bagi orang Melayu. Dan, harga yang tidak terlalu tinggi ini membawa kepada dua kesan. Pertama, agar pemilik tanah rizab Melayu tidak akan lekas tergoda untuk melepaskan pegangan tanah mereka kerana tawaran harga yang tinggi.

Kedua, sekalipun transaksi jualan masih ingin dilakukan atas dasar yang baik, maka akan ada orang Melayu dalam pasaran tersebut yang berpeluang untuk menjadi pembeli sekali gus mengekalkan status tanah tersebut.

Dengan demikian, tanah rizab Melayu dapat memelihara identiti Melayu dan memastikan pemilikan Melayu kekal zaman berzaman agar mereka boleh terus tinggal di kawasan strategik, di kawasan bandar, di kawasan berkepentingan komersil dan mereka tidak hidup merempat dalam negeri dan negara mereka sendiri.

**YB Timbalan Speaker** : Tanjung Puteri, dijemput.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebagai ADUN dalam bandar, saya terpanggilah juga untuk bertanya dan berkepentingan bagi pengundi-pengundi saya.

Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan negeri Johor akan gunakan tanah rizab Melayu ini sebagai kaedah untuk memastikan orang Melayu terus berada di dalam bandar? Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Dijemput.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri. Bukan Tanjung Puteri sahaja mewakili penduduk di bandar. Saya pun Wakil Rakyat dalam kawasan bandar, jadi saya faham dan saya jelas apa matlamat apa pendekatan dan apa objektif yang hendak kita buat khususnya melalui tanah rizab Melayu. Dan, memang pun sudah banyak kali dinyatakan dan mungkin ini sahaja kerajaan yang jelas menyatakan iaitu memang menjadi dasar kerajaan negeri Johor untuk memastikan orang Melayu tinggal dalam kawasan bandar atau setidak-tidaknya akan lebih ramai orang Melayu berpeluang memiliki aset strategik dan membina kehidupan yang sejahtera di bandar.

Dan, saya akui bahawa perizaban tanah rizab Melayu ini adalah salah satu kaedah yang akan kita gunakan bagi tujuan untuk kita mencapai matlamat tersebut. Kita memang serius mahu memastikan lebih ramai orang Melayu berpeluang tinggal di bandar, berniaga di bandar malah membina kehidupan dan keluarga di bandar. Atas sebab itulah apabila kita bina rumah pun, Rumah Mampu Milik kita harganya kurang daripada RM150,000.000 dan kita tidak ada cadangan untuk mengubah harga tersebut. RM40,000.00, RM80,000.00 dan RM150,000.00, saya ingat tidak boleh dapat di Selangor dan Penang. Negeri yang selalu diminta kita untuk ikut. Kehadiran dan kelihatan orang Melayu di bandar mesti diberikan perhatian dan fokus yang serius atas beberapa sebab.

Pertama, kerana kerajaan negeri percaya bahawa ia merupakan salah satu cara untuk mewujudkan keseimbangan demografi kaum dalam aktiviti ekonomi di Johor sekaligus membasmi segala elemen yang boleh menjurus kepada terbentuknya polarisasi kaum. Kerajaan negeri mahu memastikan segala peluang yang baik dan strategik yang terdapat di bandar akan dapat turut direbut dan dinikmati secara berkesan oleh orang Melayu.

Kedua, melalui dasar ini, kerajaan negeri percaya bahawa lebih banyak potensi serta kepentingan orang Melayu di bandar akan dapat dikembangkan dan dipelihara dengan cara yang lebih komersil dan strategik.

Ketiga, kerana kita mahu menghapuskan mentaliti dan persepsi bahawa isu serta kepentingan orang Melayu hanya berkisar tentang kawasan luar bandar dan pendalaman sahaja.

Keempat, kita memperkenalkan dasar ini kerana kita mahu sebarang usaha khusus yang berkaitan orang Melayu mesti dilakukan secara terbuka dan *transparent*. Kita tidak mahu bersembunyi atau berdolak-dalik tentang niat dan hasrat murni ini. Dan kita juga tidak akan bersikap defensif atau apologetik, dengan izin, berhubung dengan perkara ini.

Dan, suka saya nyatakan bahawa ini semua tidak mungkin boleh kita lakukan kalau kita mengamalkan dasar kesamarataan seperti yang pembangkang perjuangkan hari ini. Kita dasar kesaksamaan. Dan, kerana kesaksamaan itulah kita dapat memperkenalkan dasar dan pendekatan sebegini. Cubalah dasar kesamarataan, kita dapat lihat bagaimana hidup Melayu di negeri-negeri yang diperintah parti Yang Berhormat.

Oleh itu, kepada semua Wakil Rakyat daripada pihak kerajaan, marilah kita semua terus bekerja keras untuk menjayakan hasrat murni ini. Kita mahu kedudukan dan kehadiran orang Melayu itu terlihat, dirasai dan berperanan dalam kepesatan pembangunan bandar-bandar di Johor khususnya Johor Bahru sebagai metropolis berkepentingan antarabangsa.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Terima kasih, kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada jawapan dan soalan tambahan daripada sebelah sana seolah-olah menggambarkan pihak Pembangkang mempertikaikan dasar rizab Melayu. Tapi sebenarnya Pembangkang ataupun Pakatan Harapan tidak mempertikaikan dasar ini cuma mempertikaikan pelaksanaannya supaya dasar ini tidak menguntungkan segelintir golongan elit sahaja.

Dan, jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar seolah-olah apa tu, kaum Melayu di negeri Pulau Pinang atau pun Selangor hidup seksa ataupun hidup dalam sengsara. Jadi saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar, janganlah seperti katak di bawah tempurung. Banyaklah melawati golongan rakyat bawah di Pulau Pinang ataupun di Selangor.

Jadi soalan saya, macam mana ataupun apakah dasar kerajaan untuk memastikan bahawa dasar ini tidak hanya menguntungkan segelintir elit-elit politik ataupun orang-orang di kelilingnya dan dia betul-betul memanfaatkan orang bawahan kaum Melayu.

**YB Timbalan Speaker** : Ok dah faham dah. Jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YAB Menteri Besar** : Nak jawab salah, tak jawab pun salah.

**YB Timbalan Speaker** : Tak jawab pun takpe. Tak faham.

**YAB Menteri Besar** : Satu tuduhan dibuat bahawa ia hanya menguntungkan golongan elit. Satu tuduhan yang dibuat tanpa didukung oleh mana-mana fakta. Permohonan untuk ataupun merizabkan tanah-tanah Melayu seperti dikatakan tadi adalah atas

permohonan orang-orang Melayu sendiri. Dan, lebih-lebih lagi apabila kerajaan luluskan satu-satu tanah untuk orang Melayu maka dengan sendirinya secara automatik semua sekali dimestikan untuk merizabkan tanah tersebut.

Jadi di manakah tuduhan yang mengatakan tanah rizab Melayu ini menguntungkan golongan elit, sehinggakan kita boleh nampak 29.4% negeri Johor ini adalah tanah rizab Melayu. Itu faktanya, tuduhan tadi tiada fakta.

Dan, satu lagi fakta kerana kita jelas mengenai rizab Melayu. Kalau nak bandingkan, kita bandingkanlah sahaja Johor dengan Selangor dan Pulau Pinang, negeri-negeri yang suka sentiasa di bibir mulut parti Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana, Selangor hanya 20.2% rizab Melayu daripada keluasan negeri tersebut. Dan, untuk Penang, amat sedih tidak ada rizab Melayu di negeri Pulau Pinang.

**YB Timbalan Speaker** : Yang Berhormat Puteri Wangsa jemput.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya adalah soalan nombor 2.

Mohon penjelasan daripada pihak YAB Menteri Besar. Bagaimanakah status perumahan yang terbengkalai sekian lama di Taman Mount Austin dan projek perumahan rakyat yang lama siap dibina tetapi masih belum boleh diduduki oleh pembeli di Taman Setia Indah Johor Bahru?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa ingin penjelasan berkaitan dengan projek perumahan yang terbengkalai sekian lama di Taman Mount Austin dan juga projek perumahan rakyat di Taman Setia Indah Johor Bahru.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, projek perumahan di Taman Mount Austin projek terbengkalai lama itu merupakan projek yang dimajukan oleh Syarikat Kwang San Enterprise Sdn Bhd. di tanah kepunyaan mereka sendiri. Projek telah dapat Kebenaran Merancang, kelulusan Kebenaran Merancang pada tahun 1997 dan sepatutnya siap pada tahun 2005 dan membabitkan pembinaan sebanyak 911 unit rumah kos rendah.

Walau bagaimanapun, sehingga 3 Jun 2010, pemaju hanya dapat menyiapkan 1 blok sahaja iaitu daripada 10 blok, hanya dapat siapkan blok 10 dengan sijil layak menduduki pada 3 Jun 2010. Maka, di peringkat Jabatan Perumahan Negara telah mengisytiharkan projek ini sebagai projek terbengkalai pada 16 Mac 2012 melalui peruntukan Seksyen 11(1) (CA) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996) yakni Akta 118 dan tujuan projek diisytiharkan terbengkalai adalah untuk membolehkan pihak Perumahan Negara melaksanakan atau proses untuk mencari penyelamat bagi projek ini.

Dan, projek ini juga telah dibawa oleh pihak tertentu di mahkamah untuk proses penggulungan syarikat pemaju ini. Dan pada ketika, semasa Jabatan Perumahan mengisytiharkan projek terbengkalai, projek ini sebagai projek terbengkalai, pihak

kementerian saya difahamkan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk pemulihan.

Walau bagaimanapun, pada 2 Ogos 2013, pihak syarikat Kwang San Enterprise Sdn. Bhd. telah dapat mengetepikan dalam rayuannya dalam Mahkamah Tinggi Malaya Johor Bahru, telah mendapat mengetepikan perintah penggulangan yang saya sebutkan tadi. Kenapa mereka dapat perintah ini? Mereka dapat membuktikan bahawa di tapak tidak ada kerja-kerja yang maknanya sepanjang masa ada saja orang buat kerja, walaupun projek itu projek yang tak siap lagi.

Ok, oleh itu di peringkat Jabatan Perumahan Negara tak dapat nak mengenakan proses atau kaedah menyelamatkan projek dengan melantik pemaju yang lain.

Maka diadakan banyak perbincangan dan akhirnya di pihak pemaju telah dapat menyiapkan beberapa projek, beberapa blok iaitu blok 8 telah dapat CFO pada 28 Januari 2016, Blok 9 telah dapat CFO pada 12 April 2016 dan untuk Blok 6, kemajuan kerja telah mencapai 95% dan kita jangka akan siap pada hujung tahun 2017 ini. Blok 2, kemajuan telah mencapai 57% dan dijangka akan siap pada 2018. Dan, untuk Blok 4 dan Blok 1 kemajuan kerja telah mencapai 55% dan kita jangkakan akan dapat disiapkan juga pada penghujung 2018. Dan, dalam masa yang sama pihak pemaju juga telah memaklumkan bahawa mereka, tidak untuk menyiapkan Blok 3, Blok 5 dan Blok 7. Oleh itu, tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan negeri, kita telah *blacklist* kan dengan izin, syarikat ini daripada apa-apa pun permohonan kebenaran merancang untuk projek-projek mereka yang lain di atas nama Kwang San Enterprise Sdn Bhd ini. Dan di peringkat Jabatan Perumahan Negara, mereka telah mengambil tindakan untuk menamatkan lesen pemajuan mereka melalui, Akta Pemajuan Perumahan Kawalan (Kawalan dan Perlesenan 1996).

Kita di peringkat, mungkin ada persoalan daripada jumlah 900 *plus* unit rumah-rumah yang sepatut disiapkan, 3 blok yang tak dapat disiapkan mengandungi 314 unit rumah. Maknanya pemaju ini hanya dapat siapkan 597 unit dalam 7 blok sahaja. Ok. Kelulusan kemudahan merancang yang diperolehi oleh syarikat pemaju ini ialah, berdasarkan kepada dasar yang lama. Jadi, kita tak boleh untuk mengambil tindakan daripada segi mengenakan penalti kepada baki 314 unit yang tak dapat disiapkan itu. Walau bagaimanapun, ada sebilangan daripada pemaju-pemaju yang telah berbincang dan apa nama ni, bersetuju untuk menarik balik proses pembelian dan ada juga sebilangan pemaju yang bersedia untuk dipindahkan di blok-blok lain terutama sekali blok yang telah apa nama ni, beli blok 3, blok 5 dan blok 7. Itu adalah keadaan yang terkini yang berlaku di Taman Mount Austin. Satu lagi projek yang ditimbulkan ialah, berkenaan dengan Projek Perumahan Rakyat di Taman Setia Indah, projek ini merupakan Projek Perumahan Rakyat yang dibina di bawah dana Yayasan Perumahan Unit Termiskin, yakni sumbangan kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri, Bahagian Perumahan sebagai pelaksana. Projek ini pada awalnya dijangka siapa pada 31 Disember 2016 namun telah terbengkalai selama 11 tahun disebabkan projek ini masih tidak dapat CFO kerana terdapat kerja-kerja yang dibina oleh kontraktor itu tidak sempurna dan tidak menepati spesifikasi. Rumah tu dah ada, tapi apa kita tak puas hati dari segi spesifikasi. Maka kerajaan negeri semasa lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini, langkah penyelesaian kes ini, kerajaan negeri telah mengarahkan syarikat anak syarikat kerajaan negeri KPRJ Sdn Bhd bagi menjalankan kerja-kerja pemulihan projek perumahan tersebut. Kosnya sebanyak

RM10,377,654.24 dan kerajaan negeri telah setuju untuk menyumbang sebanyak RM4,860,000.00, maka selebihnya akan ditanggung oleh KPRJ dan kerja-kerja ni telah dimulakan pada 15 Ogos 2017 yang baru-baru ini dan dijangka akan siap pada akhir Mac 2018. Kerja-kerja penambahbaikan melibatkan 478 unit rumah pangsa kos rendah ini. Satu unit tadika, satu unit surau dan dua unit stesen TNB.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan yang telah diberikan. Oleh kerana perkara yang saya bangkitkan itu, telah melalui masa yang begitu panjang, jadi apakah jalan pintas ataupun penyelesaian yang secepat mungkin demi kepentingan rakyat dan juga apakah kita faham penjelasan yang telah diberikan tadi? Walau bagaimanapun, kita mohon satu jaminan supaya dapat disegerakan ataupun dapat dipegang ataupun apa yang hendak dilaksanakan itu dapat dicapai untuk kepentingan penduduk yang begitu ramai, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Jemput. Jawapan tadi sebenarnya dah ada semua.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah jelaskan begitu panjang tadi yang mana, daripada 10 blok tadi itu, pemaju telah siapkan 3 blok dan ada lagi 4 blok yang dijangka siap pada satu blok 6, penghujung tahun 2017, blok 2, blok 4 dan blok 1, dijangka siap pada penghujung tahun 2018. Untuk ini kita ada peringkat apa nama ini, SUK Perumahan dan Jabatan Perumahan Negara memang sentiasa memantau dan kita tengok apa yang berlaku dekat *site*. Dan buat masa ini, kita berpuas hati dengan prestasi dan saya nyatakan tadi tentang prestasi kemajuan projek-projek di keempat-keempat yang saya katakan tadi. Dan saya yakin dan mereka akan dapat siapkan dalam tempoh yang kita telah siapkan yang kita telah putuskan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Jemput, Bukit Batu.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu)** : Terima kasih Dato Speaker. Soalan tambahan saya Kepada Yang Berhormat EXCO, tadi Yang Berhormat Datuk EXCO ada menyatakan bahawa Syarikat Kwang San dibenarkan untuk terus membina 4 blok lagi di Taman Mount Austin. Saya peranjat dan hairan, bagaimana sebuah syarikat yang tadi dikatakan telah di *blacklist* dan juga ada isu lesen pembangunan dengan Kementerian Pembangunan dibenarkan atau mempunyai apa-apa hak untuk terus membuat pembangunan dan saya juga nak tanya juga, untuk 3 blok yang telah disahkan tidak dapat diteruskan oleh Kwang San, mengapa kerajaan negeri Johor tidak melalui Jcorp ataupun KPRJ mengambil alih dan menghabiskan 3 blok itu yang begitu penting untuk rakyat di sana?

**YB Timbalan Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Ok. Saya dah *explain* panjang lebar juga tadi, bila projek ni tak siap cuma dapat siap 1 blok dari 2010, Jabatan Perumahan dah isytiharkan projek ni supaya terbengkalai. Tujuan dia apa, supaya Jabatan Perumahan boleh buat proses untuk lantik syarikat baru sebagai penyelamat dan pada masa yang sama pada tahun 2012, selang masa yang sama ada pihak, di kalangan pembeli ini, yang bawa kes ke mahkamah untuk gulung



syarikat ini supaya itu akan menguatkan lagi, memudahkan lagi Jabatan Perumahan Negara untuk lantik syarikat yang baru tapi pada tahun 2013, Kwang San Enterprise Sdn Bhd telah membuat rayuan di Mahkamah Tinggi Wilayah Johor Bahru dan ditunjukkan di *site* ini tak ada orang bekerja, antaranya lah, jadi akhirnya Mahkamah Tinggi Wilayah Johor Bahru telah apa nama ni dapat mengetepikan perintah ataupun penggulangan oleh yang dibawa yang dibawa oleh pembeli tadi termasuk juga arahan daripada jabatan yang putuskan ini adalah mahkamah. Jadi bila tak ada tak dapat nak lantik pemaju yang baru, sebagai penyelamat, maka tak ada pilihan Jabatan Perumahan apa nama ni, terpaksa untuk meminta syarikat ini meneruskan juga apa nama tu, untuk siapkan apa nama tu projek ini. Itu yang berlaku sebab kita tak boleh nak lantik yang lain. Soal kenapa kerajaan negeri tak ambil alih Jcorp dan sebagainya anak syarikat kerajaan negeri. Anak syarikat ini memajukan tanah dia sendiri, ini bukan tanah kerajaan. Kalau tanah kerajaan, mungkin kita boleh ambil dan dia pun dalam dasar, kalau dasar baru kita boleh kenakan penalti ataupun kita boleh minta serahkan tanah itu. Ni dasar lama, kita tak ada semua itu.

**YB Timbalan Speaker** : Stulang, jemput.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah pencapaian dan impak positif terhadap ekonomi Johor yang dicapai oleh Program Lawatan ke Ho Chi Minh awal tahun 2017 yang dikelolakan oleh Jabatan Pelancongan?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Stulang, bahawa Program *Xplore* Johor, Bandar Ho Chi Minh pada tahun 2016 tetapi bukan awal tahun 2017, sepertimana yang dinyatakan dalam soalan Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negeri Johor sudah bersedia untuk menjadi sebuah destinasi pelancongan serantau, terkemuka. Justeru pelbagai usaha menarik pelancong ke negeri Johor akan terus dipertingkatkan dan dipergiatkan tahun ke tahun dalam menjayakan usaha ini kerajaan negeri akan memperhebatkan aktiviti mempromosikan Johor sama ada dari dalam dan luar negara menerusi beberapa pendekatan termasuk bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi merancakkan lagi sektor ini. Sektor pelancongan Johor kini sedang berkembang pesat dan keadaan itu dibuktikan dengan trend peningkatan jumlah pelancong ke negeri ini, 2013, seramai 5.77 juta orang, 6.42 juta orang pada tahun 2014 dan 6.95 juta orang pada tahun 2015.

Untuk makluman Dewan yang mulia ni, kerajaan negeri menerusi *Tourism* Johor, juga meneruskan misi galakan pelancongan *Xplore* Johor yang dilihat mampu membawa impak positif, selain mengguna pakai pendekatan kerjasama dua hala dengan negara tersebut. Pada masa yang sama, misi Expo Johor ke bandar Ho Chi Minh, Vietnam banyak membantu industri dan agen pelancongan negeri ini bertukar maklumat serta mengadakan padanan peniagaan dengan pemain industri dan agen pelancongan antarabangsa. Kerajaan negeri menerusi *Tourism* Johor akan mengekalkan program *Xplore* Johor seumpama ini kerana diyakini dapat membantu mempromosikan produk pelancongan negeri ini. Berdasarkan semua maklumat yang diperolehi daripada pihak

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, bagi tahun 2015 dan 2016, keseluruhannya telah berlaku peningkatan bilangan penumpang yang datang ke negeri Johor, jumlah penumpang pada tahun 2015, sebanyak 60,055 orang, manakala pada tahun 2016 pula 97,362 orang. Peningkatan sebanyak 37,307 orang ataupun 38.31% peningkatan penumpang dari bandar Ho Chi Minh Vietnam menunjukkan bahawa misi *Xplore Johor* telah berjaya membawa ramai orang dari negara Vietnam. Selain daripada itu, perkhidmatan penerbangan terus Air Asia, dari Ho Chi Minh ke Johor Bahru sebanyak 7 kali seminggu. Telah menunjukkan sambutan memberangsangkan hasil daripada misi *Xplore Johor*. Sememangnya industri pelancongan terbukti mendatangkan pelbagai faedah kepada pembangunan negara. Semua pihak perlu berganding bahu bagi memastikan impian negeri Johor untuk menjadi destinasi pelancongan utama dirantau ASEAN. Kerajaan negeri Johor berkomited gandakan usaha mempromosikan secara kerap agar negeri Johor akan lebih dikenali di mata dunia. Sekian, terima kasih.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang)** : Terima kasih Dato' Speaker dan juga Datuk EXCO yang memberikan jawapan. Memang tidak dinafikan melalui jawapan Datuk EXCO yang mengatakan peningkatan jumlah penumpang dari Vietnam memang nampak ramai, tetapi apa yang berlaku sekarang, yang saya lihat memang juga ramai orang Vietnam di Johor Bahru ini, saya pun nampak ramai, memang ramai orang Vietnam tapi kadang-kadang...

**YB Timbalan Speaker** : YB kenal ya orang Vietnam?

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang)** : Kadang-kadang saya tidak tahu, apa dia buat di situ, dekat orang Vietnam yang ramai ini. Jadi pendapat saya, kita tidak mahu yang mereka yang datang sebagai kadang-kadang sebagai pekerja asing sahaja. Jadi soalan saya adalah, sama ada secara pasti ataupun secara persefahaman, apakah bentuk pelaburan yang konkrit, yang telah dibawa masuk melalui ekspedisi ini dan juga apakah perniagaan yang betul-betul telah berjaya dan dipromosikan kepada orang Vietnam oleh peniaga kita dan berapakah jumlah nilai yang berjaya dipadankan seperti contohnya produk kilang ke, produk inovatif ke, makanan ke, dan berapakah nilainya, kerana sejak puluhan tahun ini, eksport Malaysia ke Vietnam lebih didukung oleh produk komoditi seperti sawit, getah. Jadi sekarang, kalau ekspedisi pergi ke Vietnam saya rasa perlu ada *result* ataupun keputusan yang lebih konkrit berkenaan dengan padanan perniagaan pelaburan yang dibawa masuk dan berapa barangan promosi kita bukanlah sekadar sawit ke getah sahaja. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kepada ADUN Stulang walaupun soalan bukan dalam soalan asal bidang saya untuk jual kelapa sawit ke, getah ke Vietnam, tugas saya tanggungjawab saya untuk mempromosikan produk-produk yang berada di negeri Johor untuk memanggil lebih ramai pelancong dari Vietnam datang ke Johor untuk berbelanja. Tetapi untuk maklumat Dewan yang mulia ini, ramai pelancong Vietnam semasa kita mempromosi *Xplore Johor* ke Bandar Ho Chi Minh, Vietnam, yang berkunjung ke negeri Johor menunjukkan lebih minat dalam kluster *family fun* dengan izin, yang merangkumi pelbagai taman tema bertemakan kekeluargaan dan kluster *leisure shopping* iaitu pelancongan membeli belah dan juga pelancongan perubatan. Inilah 3 kluster yang mereka minat untuk melancong ke negeri Johor. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Jemput, Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Adakah terdapat sebarang insentif (jika ada) yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk Anak Bangsa Johor yang mendapat kejuaraan di Sukan Sea Kuala Lumpur 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Serom di atas perkara yang dibangkitkan iaitu berkaitan insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk atlit Johor yang mendapat pencapaian cemerlang di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Pertama-tamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mohd Khaled bin Nordin atas keprihatinan beliau terhadap pencapaian atlit-atlit negeri Johor yang telah berjaya menggalas tugas negara di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang ke-29 yang lalu.

Untuk makluman Dato' Speaker dan juga ADUN Serom, bahawa seramai 55 orang atlit negeri Johor yang telah terpilih mewakili negara di temasya tersebut daripada 55 orang atlit tersebut, kita telah mencapai 19 pingat Emas, 19 pingat Perak, dan juga 7 pingat Gangsa yang telah disumbangkan kepada kontinjen negara yang dinobatkan selaku juara keseluruhan dengan kutipan pingat sebanyak 145 pingat Emas, 92 pingat Perak dan 86 pingat Gangsa. (Dewan bertepuk).

Pihak Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah mempunyai dasar sedia ada iaitu pemberian insentif untuk mewakili negara dan insentif kemenangan bagi temasya sukan terbesar ini, bagi atlit yang mewakili negara di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang lalu, mereka akan menerima insentif mewakili negara iaitu sagu hati penyertaan sebanyak RM1,000.00 bagi setiap orang, kalau untuk kadar insentif kemenangan yang kita telah gunakan sebelum ini iaitu bagi kemenangan Sukan SEA iaitu di peringkat ASEAN yang mana untuk berpasukan atau individu, pingat Emas kita beri insentif RM4,000.00, pingat Perak RM2,000.00 dan juga pingat Gangsa RM1,500.00.

Setiap atlit yang mewakili negeri Johor dalam Sukan SEA Kuala Lumpur tempoh hari, yang diberi insentif penyertaan iaitu seramai 55 orang atlit iaitu sebanyak keseluruhan RM55,000.00. Manakala insentif kemenangan kalau kita kira untuk keseluruhan bagi Emas iaitu RM4,000.00 untuk 19 orang sebanyak RM76,000.00. Perak, RM2,000.00 untuk 19 orang berjumlah RM38,000.00. Gangsa RM1,500.00 untuk 7 orang, berjumlah RM10,500.00, untuk keseluruhannya negeri Johor telah memperuntukkan RM178,500.00 iaitu bagi kedua-dua insentif yang telah kita tetapkan. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Jemput, Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom)** : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan jawapan berkaitan dengan insentif, walaupun dasar telah pun ditentukan bahawa tiada insentif namun Serom melihat bahawa Sukan SEA ini ataupun sukan ini merupakan salah satu media ataupun salah satu platform untuk kita menyemarakkan lagi atau melihat bahawa kemajuan anak-anak Bangsa Negeri Johor ataupun Rakyat Negeri Johor.

Serom terfikir bahawa dalam hal ini, dalam menghargai ataupun insentif ini adakah kita mungkin boleh memikirkan bagi mereka yang memenangi pingat Emas, 19 yang disebutkan tadi, peserta yang telah menyumbangkan pingat Emas kepada negara diberi hak, umpamanya pemilikan tapak tanah rumah umpamanya. Contohnya. Sebagai menghargai sumbangan itu dan ini akan lebih menjadikan rakyat kita atau rakyat negeri Johor ini akan bersungguh-sungguh dalam memastikan sukan untuk negeri Johor dan sukan untuk negara. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Serom yang telah menyatakan soalan tambahan. Terima kasih juga kerana memberi pandangan dan juga untuk insentif yang perlu kita berikan kepada atlit-atlit Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Serom, bahawa setakat hari ini kita masih menggunakan dasar sedia ada iaitu bagi pemenang pingat Emas, Perak dan Gangsa. Kalau kita lihat di sini apa yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Johor yang telah dipersetujui oleh pihak kerajaan, iaitu untuk setiap kejohanan adalah berdasarkan beberapa peringkat iaitu yang pertama untuk Olimpik yang telah kita gunakan sebelum ini iaitu kita beri untuk pingat Emas RM15,000.00, Perak RM10,000.00, Gangsa RM8,000.00, untuk peringkat Asia dia beza dengan Sukan SEA. Yang mana berpasukan dan juga individu kita beri Emas RM8,000.00, Perak RM5,000.00, Gangsa RM3,000.00. Manakala, Komanwel, kita beri untuk berpasukan dan individu bagi pingat Emas RM6,000.00, Perak RM4,000.00 dan juga Gangsa RM2,000.00 dan seperti di Sukan SEA yang saya sebutkan tadi, untuk Sukan SEA, Emas RM4,000.00, Perak RM2,000.00 dan juga Gangsa RM1,500.00, manakala sukan di peringkat Kebangsaan, yang mana untuk SUKMA, untuk kategori berpasukan dan individu, kita beri Emas RM3,000.00, Perak RM2,000.00 dan juga Gangsa RM1,000.00.

Hingga setakat hari ini kita pihak kerajaan masih belum menetapkan untuk memberi imbuhan selain daripada wang tunai yang telah kita tetapkan ini dan insya-Allah kalau ada pertimbangan daripada pihak kerajaan negeri kita akan maklumkanlah pada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Jemput, Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Apakah punca pencemaran Ammonia yang dikenal pasti di Sungai Sembrong Kiri dan Sungai Johor pada bulan Ogos dan langkah-langkah berjaga-jaga yang akan diambil bagi mengelakkan perkara yang serupa berulang?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak BAKAJ telah menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran ammonia di Sungai Sembrong Kiri dan Sungai Johor yang telah berlaku pada bulan Ogos. Kejadian yang sebegini di Sembrong khususnya di Sungai Sembrong Kiri adalah sesuatu

yang tidak biasa. Kali yang terakhir berlaku ialah 3 tahun yang lalu iaitu pada tahun 2014.

Sementara kes pencemaran ammonia di Sungai Sembrong Kiri ini, pihak BAKAJ tidak dapat mengenal pasti punca pencemarannya dengan tepat kerana sewaktu siasatan dijalankan tiada pengeluaran efluen daripada mana-mana punca yang berkaitan. Walau bagaimanapun, pihak BAKAJ telah dapat mengenal pasti aktiviti yang berkemungkinan menyebabkan pencemaran kepada Sungai Sembrong Kiri ini. Aktiviti tersebut adalah sebuah ladang ternakan ayam dan dua buah kilang kelapa sawit yang terletak di hulu Sungai Sembrong Kiri.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak BAKAJ juga telah mengarahkan premis-premis tersebut untuk menambah baik sistem rawatan kumbahan mereka termasuk menutup mana-mana parit yang berpotensi untuk mengalirkan efluen ke Sungai Sembrong Kiri ini.

Sementara bagi kes pencemaran ammonia di Sungai Johor, hasil siasatan pihak BAKAJ bersama Jabatan Alam Sekitar dan SAJ Ranhill, punca pencemaran dikenal pasti daripada kilang memproses baja najis ayam yang terletak berhampiran Kampung Murni Jaya, Kulai. Pentadbir Tanah Daerah Kulai telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis kepada pemilik tanah bagi memulihkan syarat-syarat tanah manakala Jabatan Alam Sekitar turut mengeluarkan notis kepada pengusaha-pengusaha berkaitan.

Kerajaan negeri melalui BAKAJ juga akan melaksanakan beberapa pendekatan yang antaranya di Sungai Johor, pengurusan lembangan sungai bersepadu bagi Sungai Johor ini akan dilaksanakan dan kajian akan dijalankan dengan segera untuk mengenal pasti serta membangunkan rekod-rekod punca pencemaran yang terdapat di sekitar Lembangan Sungai Johor. Kajian tersebut juga merangkumi penentuan kadar pelepasan bahan tercemar yang berkemungkinan boleh dilepaskan di Sungai Johor bagi tujuan mengawal pencemaran serta meningkatkan kualiti air Sungai Johor. Kajian ini akan dijalankan pada tahun ini juga. Di samping itu, pada tahun ini, pada suku ketiga tahun ini, pihak BAKAJ akan memasang 3 unit alat pemantauan kualiti air di Sungai Johor. Bagi memantau pencemaran serta sebagai amaran awal kepada pihak pengusaha loji rawatan air iaitu SAJ Ranhill untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga serta tindakan awal yang perlu bagi mengelakkan gangguan berulang kepada operasi loji rawatan air. Pada masa ini BAKAJ serta agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah Daerah serta Jabatan Pengairan Dan Saliran sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan secara berkala terhadap mana-mana aktiviti yang didapati berpotensi untuk mencemarkan Sungai Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak SAJ juga melalui program *Water Safety Plan* turut membantu pihak BAKAJ memantau indeks kualiti air mentah ini sebanyak 4 kali setahun bagi memastikan kualiti air mentah selamat untuk dijadikan air minum. Melalui program *Water Safety Plan*, dengan izin, SAJ akan melaksanakan program kesedaran, untuk pengusaha-pengusaha kilang yang berhampiran dengan Sungai Johor. Dari segi operasi, pihak SAJ Ranhill telah memasang *Early Warning System*, dengan izin di loji yang menerima sumber air dari Sungai Johor serta dalam proses memasang sistem tersebut juga di loji-loji yang menerima bekalan air dari Sungai Sembrong Kiri yang

melibatkan kos berjumlah RM260,000.00. Sistem ini akan memberi amaran awal sekiranya air mentah di muka sauk mengandungi ammonia seterusnya pihak SAJ mampu memberhentikan loji lebih awal bagi mengelakkan air mentah yang mengandungi ammonia masuk ke sistem pemprosesan air terawat. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Jemput, Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Pendek sahaja.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, dan terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Sembrong Kiri ini merupakan salah satu sumber air yang utama di sekitar Bandar Kluang dan kami faham bahawa kejadian atau insiden kali ini merupakan satu kejadian kejutan. Namun ada setengah pihak berpendapat bahawa juga menjadi salah satu punca selain daripada tiga punca yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk EXCO tadi juga adalah aktiviti pertanian di sekitar, di sepanjang sungai tersebut yang juga secara tidak langsung menyumbang kepada kadar atau peningkatan. Ini sebab Ammonia, kandungan Ammonia dalam sumber air.

Jadi, adakah pihak kerajaan ada rancangan untuk menjalankan sesuatu usaha ataupun inisiatif untuk mendidik, mendidik petani-petani atau peladang-peladang di sekitar sungai tersebut ataupun menjalankan penguatkuasaan secara kejutan secara berkala bagi memastikan bahawa pencemaran atau pun kadang-kadang *divertion* daripada sungai tersebut tidak berlaku lagi.

Dan, apakah perkembangan status projek *water transfer*, pemindahan air daripada Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur ini bagi memastikan supaya perkara yang sama, seumpama ini tidak berlaku lagi, tidak berulang lagi. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mengkibol. Aktiviti pertanian yang berlaku di sekitar kawasan hulu Sungai Sembrong Kiri ini, yang mana melibatkan aktiviti-aktiviti pertanian bukan hanya ianya melibatkan atau ianya perlu ada kawalan terhadap pembajaan tetapi juga mereka melencongkan aliran air dari hulu sungai di hulu Sungai Belitong dan juga di Sungai Kahang Barat.

Kerajaan tidak memandang ringan Yang Berhormat untuk perkara seperti ini berlaku malah sebab itu kerajaan telah membina sebuah empangan yang dinamakan Empangan Kahang yang telah pun siap dan dah diserahkan kepada kerajaan negeri pada Mei 2017. Pada waktu ini kerajaan negeri sedang berbincang dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN) untuk kerajaan negeri membina Loji Empangan Kahang, Loji Air Empangan Kahang, dan loji rawatan air ini akan mula dibina, insya-Allah, pada tahun ini. Dan, langkah yang lebih positif diambil oleh kerajaan negeri ialah sementara nak menunggu loji tersebut siap dibina, kita akan menjalankan kerja-kerja pembinaan di mana saluran paip itu juga dibina terlebih dahulu supaya air mentah daripada Empangan Kahang yang dah siap ini akan terus dipindahkan ke Loji

Rawatan Air Sembrong Kiri. Jadi, itu adalah langkah positif yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi isu berkaitan sama ada kekurangan air yang biasanya berlaku di Sungai Sembrong Kiri atau apa juga bentuk pencemaran yang boleh menggugat sumber air bagi loji yang sedia ada. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah soalan-soalan mulut yang sempat diberikan jawapan. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

#### **SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

**Penolong Jurutulis** : Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

#### **PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2017.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbang Peranggaran Pembangunan Pertama Tahun 2017 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan Peruntukan Pembangunan ini merupakan tambahan yang Pertama bagi tahun 2017. Tambahan Peruntukan Pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM30,000,000.00 di bawah satu Jawatankuasa seperti berikut iaitu Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM30,000,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

#### **Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya wang berjumlah RM30,000,000.00 bagi Maksud P.70, Pejabat Menteri Besar Johor dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM30,000,000.00 bagi menampung keperluan program-program baru kerajaan negeri dan projek-projek keutamaan pada tahun 2017 yang memerlukan pelaksanaan segera bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

Peruntukan tambahan yang diperlukan dan akan dibelanjakan pada tahun 2017 ini adalah sebanyak RM30.1 juta. Keperluan ini didapati tidak dapat ditangguhkan ke

tahun hadapan disebabkan ada keperluan segera berasaskan perkembangan sosial dan ekonomi setempat.

Di samping itu terdapat juga permintaan yang mendesak yang telah sekian lama diusulkan oleh masyarakat tempatan seperti projek menaik taraf dan membina jalan baru di kampung-kampung di seluruh negeri Johor yang dilaksanakan oleh Pihak UPEN Johor dan keperluan proses pengambilan balik tanah bagi tujuan penempatan semula penduduk Ladang Mengkibol, Kluang, serta projek menaik taraf beberapa buah jalan sebagaimana senarai di bawah:

1. Pengambilan Balik Tanah bagi penempatan semula penduduk Ladang Mengkibol Kluang.
2. Projek Memperelok Jajaran Laluan FT.001 Johor Bahru ke Ayer Hitam, km 38 ke 40 atau pun dikenali sebagai selekoh S.
3. Menaik taraf Parit Ibrahim dan Parit Jawa Pontian.
4. Menaik taraf jalan daripada dua lorong, dua hala kepada empat lorong dua hala dari Taman Kempas Utama ke Kampung Maju Jaya sepanjang 2.2 km.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017 telah pun selesai ditimbang. Maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017. Dari itu saya membawa rundingan supaya dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan jawatankuasa itu iaitu, Peruntukan wang berjumlah RM30,000,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2017 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM30,000,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2017 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.



## **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAHUN 2017**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2017 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

**Penolong Jurutulis** : Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2017. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM44,532,000.00. sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah enam jawatankuasa seperti berikut, pertama Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM42,741,000.00; Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor, RM80,000.00; Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor, RM255,000.00; Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM28,000.00; Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, RM1,330,000.00; Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor, RM98,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker, peraturan, Mengkibol mohon untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini. Untuk dasar, Yang Berhormat Dato' Speaker untuk membahaskan pada peringkat dasar bukan untuk peringkat Jawatankuasa.

**YB Timbalan Speaker** : Bincang *detail* peringkat Jawatankuasa.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Tak, sekarang untuk bincang tentang dasar.

**YB Timbalan Speaker** : Dasar apa? Dasar tak perlu dibincang, dibahas.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Mengikut Peraturan 58, memang Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, berhak untuk menyertai perbahasan.

**YB Timbalan Speaker** : Perbahasan dalam Jawatankuasalah.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Perbahasan di peringkat dasar Yang Berhormat Dato speaker.

**YB Timbalan Speaker** : Untuk apa dasar?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Memang dalam ini, memang dalam Peraturan dibenarkan.

**YB Timbalan Speaker** : Yalah, apa dasar yang hendak dibangkitkan?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan Mengkibol mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan Tahun 2017.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perbelanjaan pentadbiran dia sewajarnya dapat dirancang dengan diurus secara lebih teliti dan terancang dan tersusun sebab kebanyakan perbelanjaan-perbelanjaan ini merupakan gaji, bonus, emolumen dan sebagainya. Maka ianya merupakan sesuatu perkara ataupun bentuk perbelanjaan yang dapat dijangkakan dan dapat dirancang terlebih dahulu, maka sekiranya kita asyik selalu membentangkan pembekalan tambahan, hasil pembekalan tambahan tentang perbelanjaan pentadbiran, ianya merupakan satu kelemahan dalam mengurus tadbir kewangan negeri. Dan selain itu, kerajaan juga perlu membekalkan *details* tentang perkara pembangunan fizikal terlebih dahulu supaya Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini dapat mengkaji dan meneliti setiap perbelanjaan tersebut dan bukan hanya sebagai cop getah ataupun *rubber stamp*, dengan izin, dan meluluskan segala apa yang di...

**YB Timbalan Speaker** : Dah faham, kita dah faham.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Belum lagi, belum lagi.

**Penolong Jurutulis** : Suatu enakmen...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Selain daripada itu, maaf, *last* Tan Sri...

**YB Timbalan Speaker** : Sila duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Membenarkan Mengkibol.

**YB Timbalan Speaker** : Mengkibol duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : belum habis lagi..

**YB Timbalan Speaker** : Kita dah faham apa.

**Penolong Jurutulis** : Enakmen bagi membenarkan sejumlah wang.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Isu penting dalam...

**YB Timbalan Speaker** : Itu bukan soal dasar.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Bukan, memang, memang ada lagi, ada lagi beberapa perkara dasar penting yang seharusnya diperincikan lagi. Dan selain...

**YB Timbalan Speaker** : Mengkibol duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ada lagi.

**YB Timbalan Speaker** : Duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ada lagi isu-isu memang peraturan...

**YB Timbalan Speaker** : Mengkibol nak keluar ke duduk?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Memang diperuntukkan untuk ni, untuk berbahas.

**YB Timbalan Speaker** : Dah faham, dah faham

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Belum lagi, belum lagi

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Macam mana nak faham, belum habis berucap lagi.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker ingin saya.

**YB Timbalan Speaker** : Soal-soal yang dikemukakan itu, soal-soal *detail* yang boleh dikemukakan dalam jawatankuasa bukannya...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ada lagi isu-isu lain...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker,

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Peraturan 47.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker, boleh saya bagi sedikit pandangan, kalau Dato' Speaker telah mengizinkan untuk perbahasan dasar diadakan pada peringkat sekarang ini dan saya berpendapat bahawa Dato' Speaker harus memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat perbahasan..

**YB Timbalan Speaker** : Kita dah bagi peluang tapi soal yang dibangkitkan bukan dasar, soal *details*. *Details* boleh berbahas dalam Jawatankuasa.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini terpulanglah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat apa ni kenyataan beliau berkenaan dasar bukan butiran. Sekarang kita belum masuk peringkat dasar, peringkat-peringkat apa ni Jawatankuasa lagi ini. Ini sekarang di peringkat dasar kalau diizinkan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat perbahasan dalam dasar, seharusnya diizinkan. Kalau tidak, kita akan terus masuk ke peringkat Jawatankuasa. Kalau dibenarkan seharusnya diberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat apa ni Mengkibol untuk beliau apa ni, membuat apa ni kenyataan beliau dalam peringkat ini. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Saya benarkan, sekejap, cepat dan apa dasar yang nak disentuh lagi.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada meneliti perbekalan tambahan yang dibentangkan pada hari ini, sebenarnya kita perlu juga mengkaji semula dan mengambil perhatian tentang projek-projek ataupun peruntukan-peruntukan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah diumumkan dan diperbahaskan dalam Dewan yang mulia ini semasa perbahasan bajet 2017 pada bulan November yang lalu. Bagaimanakah pelaksanaan projek-projek tersebut adakah projek-projek tersebut dilaksanakan seperti jadual yang ditetapkan? Jika tidak, apakah, maaf kalau nak bahas, nanti bangun untuk bahas. (Dewan bertepuk). Jika tidak apakah masalah ataupun punca yang dihadapi dan apakah usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah tersebut supaya kita memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan mengikut jadual?

Antara projek-projek yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2017 adalah peruntukan sebanyak RM7 juta dan sekurang-kurangnya 14 inisiatif untuk membina atau menaik taraf infrastruktur air di negeri Johor. Apakah status dan perkembangan projek-projek ini? Dalam ucapan Bajet Tahun 2017 yang sama, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga mengumumkan bahawa pembinaan loji rawatan air Kahang dengan peruntukan daripada kerajaan pusat sebanyak RM125 juta untuk Loji Rawatan Air Kahang yang sepatutnya siap dibina pada 2014 tetapi dah lewat tak apa, janji ada.

**YB Timbalan Speaker** : Tadi dah Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dah bagi laporan dan lulus.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Sampai sekarang kita masih belum...

**YB Timbalan Speaker** : Dah siapkan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Status loji, yang telah siap tu empangan. Loji rawatan air Kahang, apakah statusnya? Bilakah akan bermula dan bilakah akan siap dan boleh beroperasi untuk membekalkan air dirawat kepada warga-warga Kluang?

Sementara waktu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah juga mengumumkan satu projek kita boleh kata sementara, sementara menunggu loji rawatan air Kahang tersebut, telah dibinakan satu saluran pemindahan yang dijangka akan memakan perbelanjaan sebanyak RM15 juta untuk menyalurkan air daripada empangan Kahang kepada Loji Rawatan Air Sembrong Timur tapi sampai sekarang kita tahu, belum mula lagi, ini dah bulan September, dah bulan ke-9 dalam tahun ini, apakah perkembangan projek ini? Apakah usaha kerajaan negeri Johor untuk mendesak supaya projek ini sebab kita faham ini suatu projek di bawah peruntukan kerajaan pusat tetapi apakah usaha kita untuk mendesak supaya projek ini dijalankan, dilaksanakan secepat yang mungkin? sebab ini dalam bajet tahun 2017, sekarang dah tiga suku dah, habis tiga suku tapi projek belum dilaksanakan.

**YB Timbalan Speaker** : Ok Mengkibol, duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Dan kita terpaksa menghadapi. Saya berharap agar perkara ini diambil perhatian

**YB Timbalan Speaker** : Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat, duduk.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, peraturan, Peraturan 59, setelah dibawa rundingan yang mengatakan Rang Undang-Undang dibacakan kali kedua, setelah disokong, boleh dibahas tetapi hendaklah dihadkan perbahasan itu kepada dasar dan faedah Rang Undang-Undang yang dibentangkan tadi. Yang diceritakan ini tak ada kena mengena pun dengan Rang Undang-Undang ni.

**YB Timbalan Speaker** : Ok, sebab itu saya suruh dia duduk. Ok Mengkibol, cukup.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ada kena mengena Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Timbalan Speaker** : Cukup.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Memang ada.

**YB Timbalan Speaker** : Ok, Jurutulis.

**Penolong Jurutulis** : Satu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan, Bagi Perkhidmatan Tahun 2017 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Bagi Maksud-Maksud Yang Tertentu.

## **Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

### **Penolong Jurutulis : JADUAL.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,853,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan dan RM8,811,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, pelbagai perkhidmatan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan, diperuntukkan sebanyak RM2,853,000.00 bagi menampung perbelanjaan perhubungan dan utiliti di luar jangkaan, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, pelbagai perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM8,811,000.00 bagi menampung perbelanjaan majlis-majlis rasmi kerajaan dan lain-lain perbelanjaan di luar jangka serta peningkatan tuntutan kos perubatan kakitangan kerajaan negeri Johor.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Perkara-perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,000.00 bagi Maksud B.03, Jabatan Landskap Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Di bawah Maksud Bekalan B.03, Jabatan Landskap Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 bagi menampung peningkatan perbelanjaan bekalan Jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, perkara-perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM30,000.00 bagi Maksud B.03, Badan Kawal Selia Air jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan di luar jangka.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Perkara-perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,000.00 bagi Maksud B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.04, Pejabat Perbendaharaan diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang bersara pilihan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, perkara-perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM80,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan** : Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM80,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang telah meninggal dunia dan bersara pilihan 2017.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM98,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM98,000.00 bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan luar jangka dan pembaikan kenderaan yang mengalami kemalangan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM8,000.00 bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor, diperuntukkan sebanyak RM8,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang bersara pilihan pada tahun 2017.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM27,000.00 bagi maksud B.19, Jabatan Perhutanan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan diperuntukkan sebanyak RM27,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang bersara pilihan pada tahun 2017.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM218,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam diperuntukkan sebanyak RM218,000.00, di mana sebanyak RM69,000.00 diperlukan di bawah bahagian pengurusan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang bersara pilihan pada tahun 2017. Manakala selebihnya sebanyak RM149,000.00 juga diperlukan di bawah Bahagian Pendidikan Islam bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat pada kakitangan jabatan yang bersara pilihan pada tahun 2017.

**YB Timbalan Speaker** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan berjumlah RM1,300,000.00 bagi maksud B.24 Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' speaker, Peraturan Mesyuarat 71 berkenaan dengan butir-butir dalam maksud B.24 Jabatan Kerja Raya Johor, kod 40000 Sewaan dalam peranggaran ialah RM4,529,000.00 dan sekarang ditambahkan dengan tambahan diminta tambahan untuk diluluskan ialah RM1,300,000.00. Dan, kita dapat ini satu angka yang agak besar. RM1 juta lebih. Saya ingin tahu apakah yang sebenarnya dalam pembayaran sewaan jabatan itu. Saya minta Ahli Yang Berhormat EXCO membekalkan butiran yang berkenaan. Apakah sewaan jabatan yang tersebut yang memerlukan RM1,300,000.00.

**YB Timbalan Speaker** : Jempit Yang Berhormat Jawatankuasa Kerja Raya.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Dato' Speaker...

**YB Timbalan Speaker** : Tunggu dulu satu-satu lah.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini saya mohon Dato' Speaker, saya mohon dapat jawapan daripada...

**YB Timbalan Speaker** : Jawapan daripada Pengerusi.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Berhormat EXCO, terima kasih.



**YB Timbalan Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, diperuntukkan sebanyak RM1,300,000.00 adalah bagi menampung perbelanjaan sewaan untuk majlis-majlis rasmi kerajaan luar jangka tahun 2017. Berdasarkan kepada soalan yang berbangkit, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, peruntukan tambahan yang dipohon ini adalah mengambil kira perbelanjaan SODO 24000 sehingga akhir tahun bagi setiap PTJ yang telah dan akan membelanjakan sebanyak RM779,000.00 digunakan untuk bayaran sewaan mesin fotostat, mesin coway dan sebagainya bagi keperluan di jabatan ini. Dengan baki sebanyak RM3,750,000.00 daripada peruntukan asal yang diterima oleh jabatan ini bagi SODO 24000 adalah bagi menampung bayaran sewaan untuk keperluan majlis-majlis rasmi kerajaan. Dan, untuk perbelanjaan sebanyak RM1,300,000.00 ini adalah bagi bayaran untuk tahun semasa bagi kerja-kerja pemasangan khemah dan sebagainya bagi majlis-majlis rasmi kerajaan yang perlu dibayar mengikut Arahan AP58. Keperluan pemasangan khemah bagi majlis rasmi kerajaan tidak dapat disediakan kalau peruntukan ini tidak diluluskan. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Ok, terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Kerja Raya ini selalu menghadapi masalah peruntukan di mana selalunya apabila Mengkibol membawa masalah kepada Jabatan JKR Daerah, daerah Kluang khususnya. Masalah dihadapi adalah tidak mempunyai peruntukan yang secukupnya jadi perkara ini telah menyebabkan bahawa isu keselamatan jalan raya di Kluang tak selesai-selesai sampai hari ini, salah satunya, salah satu adalah salah satu...

**YB Timbalan Speaker** : Soalan mengenai peruntukan sahaja, jangan soalan-soalan lain.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Maka pihak kerajaan sepatutnya memperuntukkan peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya ini satu *amount* perbelanjaan yang cukup untuk membuat projek-projek kecil ataupun tambah baik terhadap untuk memperbaiki atau mengurangkan masalah yang dihadapi sekarang tapi...

**YB Timbalan Speaker** : Apa yang tak puas hati ni? Apa yang tak puas hati ni?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Sebab kita lihat apabila kita lihat apa tu peruntukan-peruntukan tambahan ini dia tidak menyentuh ataupun memberi perhatian terhadap isu-isu ini. Maka jika kita serius tentang perkara-perkara ini maka peruntukan tambahan tersebut hanya haruslah, wajarlah merupakan peruntukan-peruntukan...

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup)** : Dato' Speaker, peraturan. Ini dia dah cerita pendapat bukan butiran-butiran lagi ini.

**YB Timbalan Speaker** : Ok, terus. Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya

peruntukan wang berjumlah RM226,000.00 bagi maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor, dan RM30 juta bagi maksud B.28, Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.26, Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor, diperuntukkan sebanyak RM266,000.00 bagi menampung perbelanjaan pembersihan muzium yang baru dimulakan. Di bawah maksud Bekalan B.28, sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun diperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi caruman tambahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2017 yang telah diluluskan.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker,

**YB Timbalan Speaker** : Perkara itu dikemukakan untuk...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker, Peraturan 71 berkenaan dengan Pembangunan Fizikal, tambahan yang diminta adalah RM30 juta tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun ada menyenaraikan projek-projek yang akan dilaksanakan. Ingin saya tahu boleh beri pecahan tak kepada projek-projek berkenaan dan peruntukan-peruntukan setiap projek-projek ini.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Dato' Speaker, peraturan, peraturan 71...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini berkenaan dengan butiran...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Dato' Speaker, peraturan...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker, ini berkenaan dengan butiran...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Dato' Pengerusi...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Tadi ialah...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Dato' Pengerusi...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyenaraikan tapi saya nak tahu dia pecahan...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Dato' Pengerusi, Peraturan 71, ni tengah bentang kod B.26. Ni ape cerita ni yang RM30 juta ni kod B.26 tak ada cerita...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Butiran Dato' Speaker, saya...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Dato' Pengerusi peraturan bahaskan butiran tadi bentang kod B.26 Muzium DiRaja Abu Bakar, ni ape cerita ni, RM30 juta ni. Duduk dululah cakap dia...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini berkenaan dengan maksud pembangunan...

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Ini kena ikut peraturan ni Dato' Speaker.

**YAB Menteri Besar** : Saya jawab.

**YB Timbalan Speaker** : Tadi masa perbekalan...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Mohon untuk jawablah

**YB Timbalan Speaker**: Ok, ok duduklah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Setiap senarai apakah sebenarnya peruntukan untuk setiap projek yang di apa ni...

**YB Timbalan Speaker** : Jementah, duduklah.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Terima kasih, terima kasih.

**YAB Menteri Besar** : Memang kita apa tu, *transparent*. Tiada apa yang nak disorokkan. Dan semua ini kita buat memandangkan lawatan saya ke kawasan dan atas sebab itu kita nampak ada keperluan untuk kita luluskan. Dan kita luluskan kerana memang kita mempunyai peruntukan kewangan, kita ada duit jadi tak ada masalah. (Dewan bertepuk). Jadi RM30 juta itu sebenarnya kita dah bincang sebenarnya kita masukkan bawah pembangunan.

**YB Timbalan Speaker** : Pembangunan tu.

**YAB Menteri Besar** : Tak apalah nak tanya sekali lagi, agaknya tadi tidur jadi ni sedar. (Dewan ketawa)

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dato' Speaker, ini...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Peraturan...

**YB Timbalan Speaker** : Dahlah, tak payah.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Saya minta Yang Amat...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Tak boleh celah ketika pembentangan...

**YB Timbalan Speaker**: Ok, duduklah Jementah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kena tarik balik tidur lah, ini perkataan ini...

**YB Tuan haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Jementah, Jementah kena hormat keputusan Dewan...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Tak profesional lah Dato' Speaker ni, tak profesional ini, ini sekarang ialah...

**YB Timbalan Speaker** : Sekarang Yang Amat Berhormat dah jawab, duduk aje lah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Sekarang ialah saya bertanya dalam Rang Undang-Undang, walaupun kertas mesyuarat tadi telah dibentangkan, tetapi sekarang masuk Rang Undang-Undang ini hak saya untuk bertanya dalam Dewan...

**YB Timbalan Speaker** : Yalah dah nak jawab, awak duduk je lah.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini hak saya untuk bertanya...

**YB Timbalan Speaker** : Ok Jementah, duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sama ada ingin menjawab atau tidak...

**YB Timbalan Speaker** : Yalah, Jementah duduk aje lah.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)**: Tapi jangan kata kita tidur ni...

**YB Timbalan Speaker** : Ok, Jementah duduklah.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Amat Berhormat dah jawab tapi Jementah tak ikut peraturan Dewan, patutnya ikut peraturan Dewan, tak boleh mencelah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Langsung tak masuk akal ni, tarik balik lah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, profesional sikit.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini serangan peribadi sebenarnya..

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar profesional,

**YAB Menteri Besar** : Dato' Pengerusi...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dalam rang undang-undang ini kita profesional...

**YB Timbalan Speaker** : Yang Amat Berhormat profesional sebab tu dia nak jawab...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata dia *transparency*, tak ada masalah kita boleh dengar jawapan beliau...

**YB Timbalan Speaker** : Oklah, dengarlah. Duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dengarlah, tapi jangan keluarkan kata-kata yang tidak manis lah...

**YB Timbalan Speaker** : Ok, ok.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kita secara rasional, kita secara profesional...

**YB Timbalan Speaker**: Jementah duduk.

**YAB Menteri Besar** : Dato' pengerusi, saya kata tadi...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Saya minta mohon lah Yang Amat Berhormat Menteri Besar secara rasional secara profesional, terima kasih, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi...

**YB Timbalan Speaker**: Mengkibol, duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Peraturan ni peraturan...

**YB Timbalan Speaker** : Duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)**: Saya nak bacakan peraturan...

**YB Timbalan Speaker**: Tak payah, tak payah.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)**: Ada peraturan nak isu kena ada peraturan, peraturan...

**YB Timbalan Speaker** : Mengkibol duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ada nak bangkitkan isu..

**YB Timbalan Speaker**: Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Dato' Pengerusi, saya cakap agaknya tidur. Itu pun sensitif? Dekat luar sana dia bantai saya macam-macam tak ada apa pun. (Dewan bertepuk). RM30 juta untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertamanya Projek Khas Daerah, menaik taraf dan membina jalan-jalan baru bagi jalan-jalan kampung di seluruh negeri Johor termasuk kawasan FELDA. Yang Berhormat-Yang Berhormat kata tak sokong kita, sebenarnya sokong kita, jadi kita akan bagi mereka RM20 juta untuk bina jalan. (Dewan bertepuk) Naik taraf jalan daripada dua lorong, dua hala tadi sebenarnya saya dah sebut. Jalan dari Taman Kempas Utama ke Kampung Maju Jaya, RM800,000.00. Cadangan naik taraf Jalan Parit Ibrahim dan Jalan Parit Jawa, Pontian RM2.7 juta. Memperelok jajaran, selekoh S, ini semua pengambilan balik tanah RM2.5 juta, pengambilan balik tanah, penempatan semula penduduk Ladang Mengkibol RM2.8 juta...

**YB Timbalan Speaker** : Ni Mengkibol tak terima kasih ke?

**YAB Menteri Besar** : Penyelenggaraan benteng, infrastruktur...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol):** Terima kasih.

**YAB Menteri Besar :** Infrastruktur saluran dari Rengit ke Bagan RM670,000.00. Kalau yang untuk Mengkibol pun nak bising juga, kita tarik balik pun boleh juga lah. Jadi tak payah sokong...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol):** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, peraturan 45...

**YB Timbalan Speaker:** Tak payahlah Mengkibol...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Biar saya habis baca dulu dan...

**YB Timbalan Speaker :** Faham, semua ada buku tu.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Dato' Pengerusi boleh pertimbangkan

**YB Timbalan Speaker :** Tak payah di *raise* kt sini..

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Biar saya habiskanlah, belum saya cakap Dato' Pengerusi dah tahu apa saya nak cakap? Saya nak cakap terima kasih tak boleh ke? Hahaha

**YB Timbalan Speaker:** Ok, dah cakap terima kasih dah.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol):** Peraturan-peraturan, peraturan 45...

**YB Timbalan Speaker :** Hmm...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Mengatakan bahawa semasa perbahasan iaitu Peraturan 45 (13) di mana seseorang Ahli itu tidak boleh sekali-kali mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada Ahli yang lain...

**YB Timbalan Speaker :** Mana ada sangkaan tidak baik, gurau-gurau sikit.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tak itu bukan gurau...

**YB Timbalan Speaker :** Nak bermanja-manja dengan Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Sebab Jementah tadi dah cakap dia tak boleh terima, maka bila dia tak boleh terima itu bukan gurau maka...

**YB Timbalan Speaker:** Tak apa, tak apa.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar perlu tarik balik perkataan agak-agaknya tidur tadi...

**YB Timbalan Speaker :** Tak payah, tak payah.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol):** Itu tak baik, itu...

**YB Timbalan Speaker:** Tak payah tarik balik.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) :** Jalan terus, jalan terus.

**YB Timbalan Speaker:** Yang Amat Berhormat tadi cakap dengan senyum. Mengkibol senyumlah sikit. Muka macam masam je. Tengok Yang Amat Berhormat dengan senyum jawapan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Saya telah diejek tadi...

**YB Timbalan Speaker :** Ok, duduk Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol):** Mendatangkan sangkaan yang tidak baik. Tak baik tu, tak boleh lah...

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, ada apa lain? Tak ada. Ok. Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM37,000.00 bagi maksud B.32 Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah maksud bekalan B.32 Jabatan Mufti diperuntukkan sebanyak RM37,000.00 bagi menampung bayaran ganjaran kepada kakitangan kontrak yang belum diambil kira oleh jabatan.

**YB Timbalan Speaker :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM72,000.00 bagi maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat, dan RM425,000.00 bagi maksud B.48 Pejabat Daerah Mersing jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah maksud bekalan B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM72,000.00 bagi menampung perbelanjaan naik taraf jabatan yang diperlukan dengan segera. Di bawah Maksud Bekalan B.48 Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM425,000.00. Sebanyak RM27,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan yang baru ditempatkan, manakala selebihnya sebanyak RM368,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan untuk penggunaan perkhidmatan kepada rakyat yang perlu disediakan segera.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM13,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM90,000.00 bagi Maksud B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat; RM30,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM83,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM25,000.00 bagi Maksud

B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM26,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Tangkak, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM13,000.00 bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat disebabkan keperluan untuk menyelesaikan kerja-kerja mendesak.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM90,000.00 bagi menampung perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan lain jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM30,000.00. Sebanyak RM20,000.00 diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti jabatan. Sebanyak RM20,000.00 diperuntukkan bagi menampung bayaran ganjaran kepada kakitangan kontrak jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM8,000.00 diperlukan untuk menampung bayaran gantikan cuti rehat kepada kakitangan jabatan bersara pilihan pada tahun 2017.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM83,000.00. Sebanyak RM30,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat disebabkan keperluan untuk menyelesaikan kerja-kerja mendesak. Sebanyak RM53,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan lain jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM25,000.00. Sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat disebabkan keperluan untuk menyelesaikan kerja-kerja mendesak. Sejumlah RM14,000.00 diperlukan bagi menampung keperluan pembayaran perbelanjaan perjalanan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM26,000.00 bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat untuk menyelesaikan tugas-tugas mendesak.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Penolong Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Penolong Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju. Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2017, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-Undang ini dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Penolong Jurutulis** : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Perbekalan Tambahan Tahun 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini kita tangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Timbalan Speaker** : Alhamdulillah, selesai sudah Persidangan hari ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan. Sebelum saya tangguhkan Persidangan, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat sekali lagi menyambut Hari Malaysia, pada 16 September 2017 yang akan datang dan juga Selamat Menyambut Tahun Baru Hijrah 1439 pada 22 September 2017 ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian, jika sekiranya kita berada lagi dalam Dewan ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:25 pagi.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Penolong Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Nazid bin Jasiman

Puan Farrah Diana binti Mohammad

**Ketua Unit Dewan**

Puan Norliza binti Md. Aris

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir

Puan Noraisah binti Mohd Yusof

Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman

Encik Hamdan bin Markom

Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Encik Mohd Norazri bin Kasim

Encik Mohd Sapri bin Manan

Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah

Encik Muhammad Khairul bin Arop

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Noor Dalilah binti Dahalan

Cik Nur Adeliah binti Abidi

Puan Zakiah binti Abd. Wahab

Puan Norhafizah binti Osman

Puan Raihanah binti Ismail

Puan Hajah Rahimah binti Akbar

**Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa

Encik Azizan bin Md. Sidi

**Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
07 SEPTEMBER 2017